

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN JAWAB BUKAN LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK HALIMAH BINTI MOHAMED SADIQUE
[KOTA TINGGI]**

SOALAN : 156

Datuk Halimah binti Mohamed Sadique [Kota Tinggi] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan apakah langkah yang akan diambil bagi meningkatkan keselamatan di kawasan awam terutamanya di tempat menunggu kenderaan awam ekoran kes serangan ke atas wanita di tempat awam baru-baru ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pelbagai usaha dan inisiatif yang telah dilaksanakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dalam meningkatkan tahap keselamatan dan kesejahteraan rakyat. Pemeriksaan rutin terhadap tempat dan lokasi yang berisiko dan berpotensi berlaku jenayah sering diadakan oleh anggota '*front-liner*'. Antara langkah yang telah diambil oleh PDRM adalah seperti:-

- i) Unit MPV adalah satu elemen yang menjadi '*front liner*' dalam melaksanakan tugas rondaan di setiap kawasan perumahan dan bertindak sebagai '*First Responder*' terhadap mana-mana insiden yang berlaku jenayah, ketenteraman awam, krisis,bencana dan kemalangan jalan raya;
- ii) Unit Rondaan Bermotosikal (URB) akan membuat rondaan di kawasan yang menjadi kawasan tumpuan ramai, kawasan perumahan dan stesen-stesen pengangkutan awam di samping

SOALAN NO : 156

meningkatkan kesedaran kepada masyarakat dengan memberi maklumat mengenai tindakan yang perlu diambil sekiranya berlaku jenayah;

- iii) Pihak Polis telah mengambil inisiatif baru dengan memperkenalkan satu aplikasi baru bagi menyalurkan sebarang maklumat melalui aplikasi Volunteer Smartphone Patrol (VSP). Aplikasi ini, memberi kemudahan kepada pengguna telefon pintar untuk menyalurkan maklumat atau aduan dilengkapi gambar dan video. Setiap maklumat pengguna aplikasi ini dirahsiakan bagi menjamin keselamatan pengguna; dan
- iv) Mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat kemudahan awam untuk menempatkan lebih ramai anggota Polis Bantuan di stesen-stesen khususnya di kawasan-kawasan yang berisiko dan di waktu malam. PDRM juga turut mencadangkan supaya lampu-lampu dan pemasangan CCTV dipertingkatkan di kawasan berkenaan.

Usaha PDRM mengurangkan jenayah juga perlu dibantu oleh semua pihak termasuk badan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dan masyarakat sendiri juga berperanan untuk mendidik dan menggalakkan orang ramai tampil kehadapan membantu dalam menyalurkan maklumat-maklumat kepada pihak berkuasa.